

# RAKYAT HIJRAH KE NEGARA ASING 'TAK TAAT KEPADA MALAYSIA'

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mensifatkan rakyat yang berhijrah dan bermastautin di negara asing sebagai warganegara yang tidak taat dan setia kepada Malaysia.

"Ini negara kita, kita mesti tinggal di sini dan

berusaha memperbaiki kehidupan di negara ini serta memahami hakikat hidup di sini," katanya ketika merasmikan perisidangan ketua-ketua bahagian dan cawangan MCA di sini hari ini.

Katanya, sebagai warganegara yang setia, kita mestilah menerima sebarang kekurangan yang berlaku di sini dan

sama-samalah berusaha mengatasinya.

"Tidak ada negara di dunia ini yang boleh memenuhi kehendak semua rakyatnya," katanya.

Oleh itu, tambah beliau, rakyat jangan cepat mengkritik dan merajuk kerana sesuatu kehendak tidak dipenuhi, sebaliknya berusaha m e m b a n g u n k a n

Malaysia.

"Kita sentiasa berusaha memperbaiki kehidupan di sini kerana inilah matlamat Barisan Nasional, matlamat kerajaan dan juga matlamat rakyat yang telah memilih Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu," ujarnya.

Perdana Menteri selanjutnya mengesakan betapa pentingnya kerjasama dan persefahaman antara komponen Barisan Nasional supaya tidak lagi wujud perpisahan kaum di negara ini.

"Kita bekerjasama memenangi pilihanraya dan kerjasama seperti inilah dikehendaki untuk memastikan kekayaan dinikmati bersama agar jurang perpisahan kaum mengikut kekayaan dihapuskan," katanya.

Kepada pemimpin MCA yang mewakili masyarakat Cina di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir, selaku Pengerusi Barisan Nasional, berharap dapat meneruskan kerjasama dengan UMNO dan lain-lain parti komponen Barisan nasional.

"Saya sentiasa berhubung dengan pemimpin-pemimpin MCA dan melalui hubungan kesetiakawanan inilah maka semua kerja mudah dilakukan tidak seperti parti PAS, walaupun parti kaum Melayu, tetapi mereka tidak ada hubungan baik, sebaliknya mengasingkan diri" ujarnya.

M e n g e n a i kemenangan cemerlang MCA dalam pilihanraya lalu, beliau mensifatkannya sebagai sejarah kejayaan MCA selama ini.

Katanya, sejak MCA ditubuhkan hingga sekarang, pilihanraya 22 April lalu menjadi kemuncak kejayaannya.

Bagaimanapun, tambah beliau, kemenangan cemerlang itu bermakna rakyat yakin kepada MCA dan Barisan Nasional dengan itu ahli-ahli MCA yang juga menjadi anggota kerajaan mestilah menjalankan tanggungjawab untuk kemakmuran serta kestabilan bangsa dan negara.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2769  
No. Penerimaan ..... SIS/85